

24/02/2000

Kes pencetak Harakah dipindah

KUALA LUMPUR, Rabu - Kes pencetak lidah rasmi Pas, Harakah, Chea Lim Thye, yang didakwa mencetak artikel berbentuk hasutan pada Ogos lalu, dipindahkan ke Mahkamah Sesyen di sini dari Petaling Jaya untuk dibicarakan bersama-sama dengan pengarang Harakah, Zulkifli Sulong.

Chea, 62, yang diwakili peguam K K Wong, didakwa mencetak artikel bertajuk "Liputan Pengakuan Sukma Hina Dan Jahat - Dr Chandra" yang disiarkan oleh Harakah, di halaman 40 keluaran 2 Ogos lalu dan perenggan yang disebut dalam tuduhan itu berbunyi:

"Adalah memalukan bahawa elemen-elemen di dalam pasukan polis, Pejabat Peguam Negara, mahkamah dan media bersedia diperalatkan dalam konspirasi yang terbesar yang dirancang oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan konco-konconya, ujar beliau."

Dr Chandra Muzaffar adalah Timbalan Presiden Parti Keadilan Nasional.

Sebelum ini, pengarang lidah rasmi Pas, Harakah, Zulkifli Sulong, didakwa menerbit artikel berkenaan dalam akhbar itu.

Zulkifli, 37, didakwa melakukan kesalahan itu di 28A, Jalan Pahang Barat off Jalan Pahang di sini pada atau 2 Ogos lalu, manakala Chea, 62, dituduh melakukan kesalahan itu pada atau 2 Ogos lalu di Lot 9, Jalan 51A/243 Petaling Jaya.

Mereka didakwa mengikut Seksyen 4(1)(c) Akta Hasutan 1948 (Akta 15) yang membawa hukuman denda tidak melebihi RM5,000 atau penjara tidak lebih tiga tahun bagi kesalahan pertama.

Hakim Khadijah Idris kemudian menetapkan tarikh sebutan pada 29 Februari ini.

(END)